

<b>Publication</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Soal Jawab / Pg. 1</b>
<b>Date</b>	<b>Fri , 1<sup>st</sup> Dec 2017</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>Memperkasa Agenda Bumiputera</b>		

# Memperkasa agenda Bumiputera

Masih ramai yang tidak tahu peranan sebenar Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang ditubuhkan pada 2011. Hakikatnya, unit di bawah Jabatan Perdana Menteri itu memainkan peranan besar dalam usaha melaksanakan program pemerikasaan Bumiputera. **Ikuti temu bual wartawan BH, Mahanum Abdul Aziz bersama Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Datuk Husni Salleh** untuk menghurai lanjut pencapaian dan hala tuju unit berkenaan.

**S: Sejak TERAJU ditubuhkan, apakah kejayaan yang diraih setakat ini?**

**J:** Pada 2011, saya masih ingat kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada mesyuarat pertama Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) iaitu 'kita tahu terlahu banyak golongan 'ali baba', kita memerlukan sistem yang menempatkan secara bersama program yang membolehkan kita mengenal pasti usahawan Bumiputera tulen, bukan 'ali baba' atau mereka yang tidak mempunyai keupayaan. Kemudian saya kata, saya akan cuba buat apa yang mampu bagi memastikan kita dapat mengenal pasti peserta sebenar. Dengan itu, lahirlah program Teras (Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi), yang kami bangukan rangka kerja bagi penilaian mencari syarikat Bumiputera dan menjadikannya syarikat tiga bintang, syarikat berdisiplin, membuat audit serta melaksanakan kajian semula syarikat setiap tahun. Menerusi program ini, kami membuat kaji selidik, kami melihat banyak syarikat. Alhamdulillah.

**S: Apakah panduan yang digunakan TERAJU dalam melaksanakan program pemerikasaan Bumiputera?**

**J:** Buku Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 1.0 (BETR 1.0) menjadi panduan kepada TERAJU dalam melaksanakan program pemerikasaan Bumiputera. Ia adalah asas utama mengguna pakai dasar transformasi Model Ekonomi Baharu (MEB) seperti mesra pasaran, mesti berasaskan keperluan, telus dan berasaskan merit. Selepas melancarkan BETR 1.0, kami mengambil masa dua tahun untuk keluar dengan senarai perkara yang kami perlu lakukan. Agenda Bumiputera adalah Agenda Nasional. Justeru, tidak ada sesiapa terlepas daripada melaksanakannya. Setiap syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan ada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bumiputera. Setiap kementerian perlu ada KPI Bumiputera dan unit pemerikasaan Bumiputera dalam kementerian. Kejayaan paling besar kita pernah capai secara keseluruhannya termasuk mekanisme, struktur, rangka kerja, koordinasi yang mana ia tidak pernah dibuat sebelum ini. Kita juga membuat koordinasi dengan pihak berkuasa wilayah, yang mana mereka mempunyai KPI tersendiri membabitkan Agenda Bumiputera. Sebelum ini, tidak pernah ada Agenda Bumiputera dilaksanakan seumpama itu. Tidak pernah ada seorang Perdana Menteri yang mempengerusikan



**Husni Salleh,**  
Ketua Pegawai  
Eksekutif TERAJU

**Apa yang pasti, kami mempunyai mata dan telinga daripada barisan kepimpinan tertinggi kerajaan bagi melaksanakan Agenda Bumiputera baharu"**

sendiri agenda ini. Sudah pasti, apabila koordinasi dibuat seperti ini, impak nampak lebih besar. Justeru, kalau kita hendak buat program, ia lebih mudah kerana wujud koordinasi dan kerjasama dengan semua pihak. Contohnya, TERAJU menjalin kerjasama strategik dengan lebih 130 agensi dan berjaya mewujudkan nilai RM116 bilion. Jumlah itu tidak termasuk kerjasama dengan GLC membabitkan pemerolehan RM11- RM12 bilion, penajaan biasiswa dan pengambilan pekerjaan di bawah program Skim Latihan 1Malaysia (SLIM). Semua ini adalah KPI. Perdana Menteri juga mahu KPI Bumiputera dimasukkan dalam KPI korporat GLC. Beliau berkata, jika KPI itu tidak dicapai anggaplah kalau anda menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, anda lulus subjek lain, tetapi tidak lulus Bahasa Melayu, anda tidak layak mendapat sijil. Itu adalah penguatkuasaan yang ditekankan Najib kepada GLC dalam mencaapai Agenda Bumiputera. Semua adalah bersandarkan kepada merit dan ia dibuat dengan sebaik mungkin dan telus.

**S: Apakah kejayaan lain yang dicapai hasil pelaksanaan program Agenda Bumiputera?**

**J:** Ketika ini, ada RM14 bilion pelaburan swasta oleh syarikat Bumiputera. Syarikat Bumiputera dan sektor swasta kini buat pelaburan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pekerjaan. Sebanyak 44,000 pekerjaan diwujudkan syarikat Bumiputera yang membuat pelaburan, kerajaan hanya bagi insentif saja. Malah, pembangunan juga dilaksanakan dalam komuniti masing-masing yang kini bukan lagi tertumpu di bandar utama sahaja. Sebelum ini, projek besar seperti MRT dijalankan di Lembah Klang. Kini, ada projek dilaksanakan di Sandakan

dan Tawau yang beri manfaat kepada komuniti setempat.

**S: Berapa jumlah kerajaan peruntukkan untuk memperkasa Bumiputera?**

**J:** Peruntukan untuk TERAJU bagi melaksanakan program adalah RM1.4 bilion. Kami juga mengambil bahagian dalam dana mudah cara yang dilaksanakan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), kami diberikan kira-kira RM600 juta setakat ini. Secara keseluruhan, ia membabitkan RM2 bilion. Kami berjaya mewujudkan nilai RM116 bilion.

**S: Kebanyakan Bumiputera tidak tahu peranan TERAJU. Apakah rancangan TERAJU mendidik Bumiputera untuk ambil kesempatan daripada platform yang diwujudkan?**

**J:** Sebenarnya, kami memanfaatkan kerjasama yang dijalin untuk merealisasikan agenda Bumiputera. Apa yang pasti, kami mempunyai mata dan telinga daripada barisan kepimpinan tertinggi kerajaan bagi melaksanakan Agenda Bumiputera baharu. Anda lihat bagaimana koordinasi dilakukan. Sudah pasti, orang mahu lihat impak penubuhan TERAJU. Sebagai contoh, kami membantu usahawan di Besut, Terengganu menerusi dana mudah cara yang diberikan menerusi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Kalau kami dengan 60 kakitangan saja hendak laksanakan, pasti kami tidak mampu. Kami perlukan kerjasama semua pihak. Itu adalah perbezaan kami dengan agensi kerajaan lain.

**S: Di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan gagal capai sasaran 30 peratus penganan ekuiti Bumiputera merangkumi 62 peratus jumlah penduduk negara. Bagaimana**

**kah keadaannya ketika ini?**

**J:** Kami tidak mahu terikat dengan angka, kami mahu melihat perkara secara holistik. Kalau dulu, sekitar 1960-an, Bumiputera menjadi petani secara kecil-kecilan. Kira-kira dua pertiga Bumiputera hidup di bawah garis kemiskinan pada ketika itu. Ia adalah hasil pecah dan perintah British yang meletakkan orang Melayu sebagai petani, kaum Cina berniaga dan India bekerja di ladang. Itu adalah struktur masyarakat. Namun, penstrukturan semula masyarakat dilaksanakan kerajaan, dengan penubuhan FELDA yang mana tanah ladang dibuka dan ia beri peluang kepada Bumiputera untuk bekerja dalam bidang pertanian bagi mendapat pendapatan berbanding bertani kecil-kecilan. FELDA adalah jawapannya. Penstrukturan semula masyarakat dengan menyediakan peluang pendidikan menyediahkan melahirkan cerdik pandai dan profesional Bumiputera dari kalangan kurang berkemampuan.

**S: Dunia dan Malaysia kini memasuki era Industri 4.0. Apakah Bumiputera bersedia bersaing dalam Industri 4.0?**

**J:** Kita ada pencipta dalam kalangan Bumiputera dan mempunyai keupayaan mencipta sesuatu yang baharu. Apa yang perlu adalah pendedahan dan fokus pelaburan dalam mewujudkan perkara baharu. Justeru, dalam Bajet 2018, banyak peruntukan disediakan syarikat kecil dan sederhana (PKS). PKS akan merevolusi industri. Program Superb menggalakkan teknologi baharu. Malah, sudah ada Bumiputera yang mempunyai idea kreatif dan mampu menggerakkan dunia dengan ciptaan mereka.

**S: Jurang keusahawanan Bumiputera berbanding kaum lain?**

**J:** Bumiputera mewakili kira-kira 30 peratus jumlah PKS di negara ini. Dari segi syarikat disenarikan di Bursa Malaysia, 30 daripada 900 syarikat yang disenarikan dimiliki Bumiputera. Apa yang pasti, menerusi program dilaksanakan kami seperti Skim Jejaka Jaya Bumiputera (SJJJB), Teras, ia akan mengambil masa dan bergantung kepada sokongan orang terhadap program yang kami laksanakan. Bagi mewujudkan modalan pasaran RM8.9 bilion, kita perlukan disiplin tinggi, syarikat yang umumkan keuntungan dan membayar cukai. Jika asyik berselindung, macam mana orang nak melabur. Kami (TERAJU) boleh lakukan sesetengah perkara, tetapi komuniti perniagaan perlu beri sokongan dan melaksanakannya secara bersama.